

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN
MOHAMAD
KAWASAN : LIPIS
TARIKH : 08 MAC 2017 (RABU)
NO. SOALAN : 72

SOALAN

YB. DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD (LIPIS) minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan secara jelas hala tuju Negara dalam sektor perdagangan antarabangsa selepas Amerika Syarikat mengambil keputusan untuk menarik diri daripada Perjanjian Trans Pasifik (TPPA).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sepertimana ahli-ahli Dewan yang mulia ini sedia maklum, Amerika Syarikat telah mengeluarkan notifikasi bertulis kepada semua negara-negara TPPA termasuk Malaysia pada 30 Januari 2017 untuk memaklumkan secara rasmi penarikan negara tersebut dari TPPA. Selain itu, Presiden Trump juga telah mengarahkan Pejabat United States Trade Representative untuk memulakan rundingan perjanjian perdagangan bebas (FTA) secara dua hala untuk mempromosikan

industri Amerika Syarikat, melindungi pekerjaan serta meningkatkan pendapatan pekerja negara tersebut.

2. Dengan perkembangan ini dan berdasarkan syarat perjanjian sedia ada, TPPA tidak boleh dilaksanakan tanpa penglibatan Amerika Syarikat. Ini kerana perjanjian ini hanya boleh berkuat kuasa apabila ratifikasi dilaksanakan sekurang-kurangnya enam (6) buah negara yang mewakili 85% jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara TPP. Amerika Syarikat sendiri sudah menyumbang 60% daripada jumlah keseluruhan KDNK negara-negara anggota TPP.
3. Sehubungan itu, negara-negara TPP yang lain seperti Malaysia tidak akan dapat menikmati peluang-peluang tambahan untuk meningkatkan hubungan perdagangan dan pelaburan melalui akses pasaran berkeutamaan yang ditawarkan di bawah TPP.
4. Sebaliknya, antara langkah-langkah atau strategi yang sedang dilakukan oleh Malaysia untuk mendapatkan akses pasaran tambahan di peringkat global termasuk mengadakan perjanjian FTA dengan negara-negara TPP seperti Mexico, Kanada dan Peru.
5. Selain itu, Malaysia juga terlibat dalam rundingan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) bersama 15 buah negara lain, termasuk tujuh buah negara anggota TPP. Tumpuan Malaysia pada masa ini adalah untuk memuktamadkan rundingan RCEP pada penghujung tahun ini. Di samping itu, langkah-langkah awal untuk mengadakan perjanjian perdagangan bebas dengan negara-negara berpotensi yang lain juga sedang dikaji.

SOALAN (73)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 8 MAC 2017
[RABU]**

**DARIPADA : YB. TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

SOALAN :-

**YB. Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN menyatakan jumlah kelulusan yang diberikan
kepada pemberi pinjaman wang berlesen dan apakah tindakan tegas
terhadap pemberi pinjaman tanpa lesen.**

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Januari 2017, sebanyak 3,611 lesen pemberi pinjam wang (PPW) telah diluluskan di seluruh Negara. Pecahan kelulusan lesen PPW mengikut negeri adalah seperti jadual berikut:

BIL	NEGERI	PPW
1	JOHOR	283
2	KEDAH	143
3	KELANTAN	12
4	MELAKA	108
5	NEGERI SEMBILAN	114
6	PAHANG	101
7	PERAK	249
8	PERLIS	12
9	PULAU PINANG	300
10	SABAH	765
11	SARAWAK	395

BIL	NEGERI	PPW
12	SELANGOR	664
13	TERENGGANU	29
14	KUALA LUMPUR	433
15	LABUAN	5
16	PUTRAJAYA	2
JUMLAH		3,611

Seksyen 5 Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) mewajibkan mana-mana orang untuk mendapatkan lesen bagi menjalankan aktiviti pemberi pinjaman wang. Sekiranya didapati melanggar peruntukan ini, hukuman denda tidak kurang daripada RM250,000.00 dan tidak melebihi daripada RM1 juta atau penjara untuk tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya boleh dikenakan. Bagi kes kesalahan kedua atau kesalahan yang berikutnya, hukuman sebatan sebagai hukuman tambahan boleh dikenakan.

KPKT telah mengadakan kerjasama dengan pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang akan bertanggungjawab untuk mengendalikan kes-kes pemberi pinjam wang

yang tidak berlesen (lazimnya dikenali sebagai Ah Long), manakala KPKT pula akan mengendalikan kes-kes melibatkan PPW yang berlesen selaras dengan Seksyen 5, Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400).

Orang awam juga boleh membuat semakan dalam talian bagi memastikan sama ada pihak yang menawarkan pinjaman adalah PPW berlesen dengan melayari <https://emaps.kpkt.gov.my>. Melalui kaedah ini, orang awam dapat mengelak daripada menjadi mangsa penipuan oleh PPW haram.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2017